


# Polis rampas dadah 'berperisa' mangga

Sinar Konten  
15/11/16  
MIS 46



Ravi Chandran (kiri) menunjukkan paket makanan berperisa mangga yang mengandungi dadah dirampas daripada suspek.

**IPOH** – Polis Perak berjaya membongkar taktik baharu pengedaran dadah dengan menggunakan paket serbuk makanan organik berperisa mangga dengan tertangkapnya seorang peniaga di kawasan tempat letak kereta, Pusat Perdagangan Greentown di sini, kelmarin.

Lelaki berusia 28 tahun yang berasal dari Sungai Besi,

Kuala Lumpur ditahan sepasukan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik kira-kira jam 5.45 petang.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah narkotik Negeri, Asisten Komisioner R Ravi Chandran berkata, hasil pemeriksaan menemui 100 paket serbuk makanan bertulis 'organic whole food mango powder' seberat 1.285 kilogram bernilai

RM89,950.

Menurutnya, setiap paket yang mengandungi dadah jenis methamphetamine dijual dengan anggaran hampir RM900 itu dipercayai diedarkan di pusat-pusat hiburan sekitar bandar raya ini.

"Hasil pemeriksaan dalam Toyota Vios yang dipandu suspek menemui paket berkenaan. Kita turut merampas dua pasport dan kad pengenalan atas nama suspek.

"Suspek dipercayai bergerak berseorangan didapati negatif ujian urin dan tidak mempunyai sebarang rekod kesalahan lampau," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri di sini, semalam.

Menurutnya, suspek direman tujuh hari sehingga Ahad ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Siasatan mendapati dadah yang dirampas berkenaan boleh dibekalkan kepada lebih 1,000 orang.

"Sindiket bertindak licik dengan meningkatkan kreativiti pengedaran dalam bentuk makanan dan minuman untuk menarik minat penagih selain mengaburi pihak berkuasa," katanya.